



LAPORAN TAHUNAN **2016**

SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN

KANDUNGAN

- 1 PERUTUSAN PENGERUSI**
- 3 RINGKASAN EKSEKUTIF**
- 4 LATAR BELAKANG**
- 5 UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN**
- 6 AHLI-AHLI SURUHANJAYA**
- 18 URUSAN-URUSAN YANG DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA**
- 19 MESYUARAT SURUHANJAYA**
- 25 URUSAN PELANTIKAN**
- 26 URUSAN PERKHIDMATAN**
- 27 URUSAN KENAIKAN PANGKAT**
- 28 URUSAN PEMANGKUAN**
- 29 URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA DAN PEMINJAMAN**
- 31 URUSAN TATATERTIB DAN SURCAJ**
- 32 KETETAPAN SURUHANJAYA**
- 34 URUS SETIA SPKP**



PERUTUSAN PENGERUSI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Saya mengucapkan setinggi kesyukuran kehadrat Allah S.W.T. atas pelaksanaan agenda 2016 yang diterangkan di dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) 2016 ini. Laporan Tahunan ini diharap akan menjadi bahan rujukan dan perkongsian kepada pihak yang berkepentingan khususnya, Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Seperti yang kita sedia maklum, tahun 2016 merupakan tahun yang mencabar kepada imej dan kewibawaan Perkhidmatan Awam apabila terdapat pegawai-pegawai awam yang ditahan kerana penyalahgunaan kuasa. Saya mengambil perkara ini secara amat serius. Sebagai sebuah badan yang dipertangungjawabkan untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan pencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib, saya berpandangan bahawa SPKP mempunyai tanggungjawab yang besar dalam memastikan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sentiasa dipandang tinggi di mata rakyat.

Pegawai Undang-Undang hendaklah mendukung prinsip integriti dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing. Adalah penting bagi Pegawai Undang-Undang melaksanakan tugas dan amanah yang diberikan dengan sebaik-baiknya agar kepercayaan masyarakat umum terhadap Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan kekal di tahap yang tinggi. Sehubungan itu, pemilihan calon yang tepat bagi setiap urusan adalah amat penting dalam memastikan bahawa Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan terus mendapat kepercayaan rakyat dan negara sebagai salah sebuah tonggak utama yang menegakkan keadilan *without fear or favour*. Adalah menjadi harapan saya dan juga Suruhanjaya ini agar Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mempunyai semangat kerja berpasukan yang jitu dan sentiasa saling bantu membantu antara satu sama lain. Selain itu, Pegawai Undang-Undang juga perlu melengkapkan diri dengan sifat kepimpinan, ilmu yang bermanfaat serta peka dengan perkembangan semasa agar mampu membawa perkhidmatan ini ke satu tahap yang amat membanggakan.

 Laporan Tahunan ini
diharap akan menjadi
bahan rujukan
dan perkongsian
kepada pihak yang
berkepentingan
khususnya, Pegawai
Undang-Undang di
dalam Perkhidmatan
Kehakiman dan
Perundangan. 

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Pegawai Undang-Undang yang telah dilantik ke Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, disahkan dalam perkhidmatan, diluluskan pemberian taraf berpencen, diberi pemangkuhan atau dinaikkan pangkat. Semoga kejayaan tersebut menjadi pembakar semangat ke arah kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang. Saya berdoa agar SPKP akan kekal sebagai sebuah badan yang berwibawa dan terus menjadi tulang belakang ke arah Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang lebih cemerlang dan progresif demi kemakmuran Negara.

Salam hormat.

TAN SRI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan Tahunan SPKP ini disediakan sebagai memenuhi peruntukan Fasal (1) Perkara 146 Perlombagaan Persekutuan yang menghendaki Suruhanjaya menyediakan suatu laporan tahunan mengenai kegiatannya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan salinannya dibentangkan di kedua-dua Dewan Parlimen.

Laporan Tahunan ini mengandungi rumusan bagi urusan-urusan yang dijalankan oleh SPKP bagi tahun 2016. Selain itu, Laporan Tahunan ini juga mengandungi maklumat mengenai Ahli-Ahli SPKP, Jemaah Pegawai serta latar belakang SPKP. SPKP juga membuat ketetapan bagi Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan sepanjang tahun 2016 dan ketetapan-ketetapan tersebut juga diterangkan di dalam Laporan Tahunan ini.

Akhir sekali, Laporan Tahunan ini juga memaparkan maklumat mengenai Urus Setia SPKP yang bertanggungjawab dalam memastikan setiap urusan Suruhanjaya dijalankan dengan teratur.

LATAR BELAKANG

PENUBUHAN:

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah ditubuhkan mengikut Fasal (1) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan pada 31 Ogos 1957.

TUGAS-TUGAS SURUHANJAYA:

Fasal (1) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa fungsi Suruhanjaya adalah untuk melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam perjawatan tetap atau perjawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas anggota-anggota perkhidmatan di bawah bidang kuasanya.

BIDANG KUASA:

Mengikut Fasal (1) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan, bidang kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan meliputi semua anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Sehingga 31 Disember 2016, terdapat seramai 1,703 Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Pecahan Pegawai Undang-Undang mengikut gred adalah seperti berikut:

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Turus I	1
2.	Pegawai Undang-Undang Turus II	1
3.	Pegawai Undang-Undang Turus III	2
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama A	10
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama B	28
6.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas B	1
7.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama C	95
8.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas C	60
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L54	176
10.	Pegawai Undang-Undang Gred L52	188
11.	Pegawai Undang-Undang Gred L48	360
12.	Pegawai Undang-Undang Gred L44	504
13.	Pegawai Undang-Undang Gred L41	277
JUMLAH		1,703

KUASA SURUHANJAYA YANG DIWAKILKAN:

Fasal (6) Perkara 144 Perlembagaan Persekutuan membolehkan Suruhanjaya mewakilkan mana-mana fungsinya di bawah Fasal (1) berkenaan dengan apa-apa gred perkhidmatan kepada mana-mana pegawai dalam sesuatu perkhidmatan yang diliputi oleh bidang kuasanya, atau kepada mana-mana lembaga pegawai itu yang dilantik olehnya, dan pegawai atau lembaga itu hendaklah menjalankan fungsi itu di bawah arahan dan kawalan Suruhanjaya itu.

Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan telah mewakilkan kuasa kepada Jemaah Pegawai yang terdiri daripada Peguam Cara Negara dan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan untuk menimbang dan meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen bagi Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

UNDANG-UNDANG DAN PERATURAN


Fungsi Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan. Undang-undang dan peraturan-peraturan tersebut, antara lain, termasuk:

- i) Perlembagaan Persekutuan;
- ii) Akta Suruhanjaya Perkhidmatan 1957 (Akta 393);
- iii) Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963;
- iv) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012;
- v) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993; dan
- vi) Pekeliling-Pekeliling Perkhidmatan/ Surat Pekeliling Perkhidmatan yang berkuat kuasa.

AHLI-AHLI SURUHANJAYA

Fasal (2) Perkara 138 Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah terdiri daripada seorang Pengerusi (yang juga merupakan Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam), Peguam Negara atau, jika Peguam Negara ialah seorang ahli Parlimen atau dilantik tidak daripada kalangan anggota Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Peguam Cara Negara dan seorang anggota lain atau lebih yang dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, selepas berunding dengan Ketua Hakim Negara, daripada kalangan orang yang menjadi atau pernah menjadi, atau yang layak menjadi, hakim Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan atau Mahkamah Tinggi atau yang pernah menjadi hakim Mahkamah Besar sebelum Hari Malaysia. Fasal (3) Perlembagaan Persekutuan juga memperuntukkan bahawa Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam hendaklah juga menjadi Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

CARTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN





PENGERUSI
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN
KEHAKIMAN DAN
PERUNDANGAN
TAN SRI ARPAH BINTI ABDUL RAZAK

“Sebagai Pegawai Undang-Undang, haruslah menunaikan tanggungjawab masing-masing dengan sehabis baik terutamanya untuk menegakkan integriti dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan pada sepanjang masa. Disebaliknya, kita tidak boleh mengharapkan pihak awam menghormati undang-undang jika kita gagal melaksanakan penguatkuasaan. Seperti kata Aristotle, “Law is order, and good law is good order.” Oleh kerana itu, teruskan pembelajaran dan bersikap terbuka sertakekalkan tadbir urus yang baik.”

AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

TAN SRI DATO' SRI
HAJI MOHAMED APANDI BIN ALI

PEGUAM NEGARA



“‘Berkhidmat Untuk Negara’ bukan sekadar cogan kata yang kita tulis semata-mata, tetapi ikrar taat setia kita kepada negara Malaysia. Untuk melaksanakan ikrar ini sebagai satu pasukan yang kuat, semua Pegawai Undang-Undang di dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan perlu bersatu padu, perlu saling mempercayai antara satu sama lain dan tidak berprasangka sesama sendiri.”



**AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN**

**YAA TAN SRI DATO' SERI MD. RAUS
BIN SHARIF**

PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN

“Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) merupakan Suruhanjaya melaksanakan kehendak Perlembagaan Persekutuan. SPKP menggalas tanggungjawab dalam memastikan Pegawai Undang-Undang yang dilantik berpengetahuan luas dan berkebolehan. Sehubungan dengan itu, SPKP perlu mempertingkatkan sistem penilaian calon-calon yang bercita-cita tinggi menjadi Pegawai Undang-Undang. Bagi Pegawai Undang-Undang yang telah dilantik pula, pesanan saya adalah kejayaan tidak akan datang bergolek tetapi hanya diperolehi dengan usaha yang gigih.”

AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

YAA TAN SRI DATO' SERI ZULKEFLI
BIN AHMAD MAKINUDIN

HAKIM BESAR MALAYA



“Saya telah memulakan kerjaya saya dalam bidang undang-undang dengan memegang beberapa jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Perkhidmatan ini adalah landasan yang terbaik bagi seseorang pegawai untuk menimba ilmu dan memperoleh pengalaman yang lebih meluas. Semua Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan hendaklah mempunyai komitmen yang tinggi dalam melaksanakan tugas-tugas dan visi untuk mencapai kecemerlangan.”



AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

YAA TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA
RICHARD MALANJUM

HAKIM BESAR SABAH DAN SARAWAK

“Perkhidmatan awam merupakan suatu seruan, bukan keistimewaan. Justeru, berkhidmat dalam perkhidmatan awam memerlukan dedikasi, keikhlasan, kejujuran, kesaksamaan dan integriti. Daripada elemen-elemen ini, keutuhan integriti adalah yang paling penting. Memberi perkhidmatan kepada awam bermaksud kepentingan diri menjadi perkara terakhir. Jangan berharap untuk mengumpul kemewahan semasa dalam perkhidmatan awam. Hormati mereka yang kamu berikan perkhidmatan kelak kamu juga akan dihormati.”

AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

YA TAN SRI AZAHAR BIN MOHAMED

HAKIM MAHKAMAH PERSEKUTUAN



“Ekspektasi, cabaran dan implikasi era globalisasi menuntut setiap pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan untuk sentiasa mengambil langkah proaktif bagi memantapkan diri dengan ilmu, pengalaman dan kemahiran dalam bidang perundangan demi merealisasikan amanah dan tanggungjawab sebagai Penasihat Undang-Undang yang berkaliber serta berkemampuan mengendalikan kes-kes mahkamah supaya mereka kekal efisien, dinamik, berintegriti, kompeten dan berdaya saing.”



AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

YA DATO RHODZARIAH BINTI BUJANG
HAKIM MAHKAMAH TINGGI

“Berdasarkan pengalaman saya yang singkat sebagai Ahli kepada Suruhanjaya ini, saya mendapati bahawa cabaran yang dihadapi adalah untuk memastikan bahawa hanya calon-calon yang tepat dan layak dilantik ke dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan dan seterusnya dinaikkan pangkat memandangkan keputusan tersebut akan memberi kesan kepada pencapaian tahap kecemerlangan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.”

AHLI SURUHANJAYA
PERKHIDMATAN KEHAKIMAN
DAN PERUNDANGAN

YA DATUK WIRA KAMALUDIN
BIN MD SAID

HAKIM MAHKAMAH TINGGI



“Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan (SPKP) dalam menjalankan fungsi yang ditetapkan di bawah Perkara 144(1) Perlembagaan Persekutuan sentiasa mengutamakan agenda kecemerlangan Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Cabaran yang dihadapi oleh SPKP ialah bagaimana untuk mengekalkan pegawai-pegawai yang berprestasi tinggi untuk terus berada dalam perkhidmatan Kerajaan. SPKP sedar bahawa kesinambungan kecemerlangan perkhidmatan akan pudar apabila pegawai-pegawai seperti yang diharapkan akan meninggalkan perkhidmatan kerana mendapat tawaran jawatan dan pendapatan yang lebih menarik di sektor swasta. Ia juga mungkin disebabkan kenaikan pangkat ke jawatan yang lebih tinggi dalam perkhidmatan Kerajaan akan mengambil tempoh masa yang lama. Jika masalah ini tidak ditangani SPKP akan berdepan dengan ketandusan pemimpin dari kalangan pegawai yang berprestasi tinggi dan profesional untuk memimpin Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan ke arah kecemerlangan yang diharapkan.

Sehubungan itu, SPKP ingin menasihatkan kepada pegawai-pegawai yang berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan supaya sentiasa bersabar. Bekerjalah dengan rajin, dengan jujur dan amanah di samping meningkatkan prestasi dan ilmu pengetahuan kerana SPKP akan mengiktiraf sumbang bakti tersebut. SPKP memberi jaminan bahawa peluang kenaikan pangkat adalah berteraskan prestasi kerja, berilmu pengetahuan dan daya kepimpinan pegawai-pegawai bukan berdasarkan senioriti semata-mata.”



SETIAUSAHA

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD

JEMAAH PEGAWAI



**YM DATUK ENGKU NOR FAIZAH
BINTI ENGKU ATEK**

PEGUAM CARA NEGARA



**DATO' SRI LATIFAH BINTI
HJ. MOHD TAHR**

**KETUA PENDAFTAR MAHKAMAH
PERSEKUTUAN**



SEKALUNG PENGHARGAAN

**YA DATUK HASNAH BINTI
DATO' MOHAMMED HASHIM**
HAKIM MAHKAMAH RAYUAN
**1 DISEMBER 2014 -
30 NOVEMBER 2016**
AHLI

URUSAN-URUSAN YANG DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA

Urusan-urusan yang dilaksanakan oleh Suruhanjaya sepanjang tahun 2016 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

Jadual 1

KEDUDUKAN URUSAN YANG DILAKSANAKAN OLEH SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2016

BIL.	URUSAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pelantikan Pegawai Undang-Undang Gred L41 Secara Tetap	64
2.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan/Pemberian Taraf Berpencen/Opsyen KWSP/ Penetapan Gaji Permulaan	125
3.	Kenaikan Pangkat Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan	289
4.	Pemangkuan Ke Pelbagai Gred Dan Jawatan	308
5.	Pelepasan Pertukaran Sementara/ Pinjaman Ke Pelbagai Jawatan	22
6.	Hukuman Tatatertib	1

MESYUARAT SURUHANJAYA

Suruhanjaya telah mengadakan sebanyak tiga (3) mesyuarat pada tahun 2016 seperti berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat SPKP ke-129	26 Februari 2016	Hotel Doubletree By Hilton, Johor Bahru, Johor
2.	Mesyuarat SPKP ke-130	2 September 2016	Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Wilayah Persekutuan Putrajaya
3.	Mesyuarat SPKP ke-131	2 Disember 2016	Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP), Bandar Baru Bangi, Selangor

Selain mesyuarat, kertas mengenai perkara yang memerlukan pertimbangan dan keputusan segera telah dikemukakan kepada anggota Suruhanjaya melalui kertas edaran secara elektronik melalui sistem e-Circulation SPKP. Prosedur ini dibenarkan di bawah Kaedah 17, Kaedah-Kaedah Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan 1963.

Secara keseluruhannya, sejumlah 108 Kertas Pertimbangan telah diputuskan oleh Suruhanjaya. Kertas tersebut termasuk yang telah diputuskan secara edaran sebanyak 68 kertas manakala 40 kertas pertimbangan melalui Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan. Selain itu, sepanjang tahun 2016, sebanyak 119 kertas edaran telah dipertimbangkan melalui Sistem eCirculation SPKP melibatkan 68 kertas edaran oleh Suruhanjaya dan 51 kertas edaran oleh Jemaah Pegawai Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan.

Butiran lengkap mengenai kertas tersebut adalah seperti di **Jadual 2** manakala **Rajah 1** menunjukkan kedudukan kertas pertimbangan yang diputuskan oleh Suruhanjaya/Jemaah Pegawai dalam mesyuarat dan secara edaran.

Jadual 2

**JUMLAH KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN**


BIL.	JENIS KERTAS	JUMLAH KERTAS
1.	Urusan Pengambilan Pegawai Undang-Undang Gred L41	13
2.	Kenaikan Pangkat (Pelbagai Gred dan Jawatan)	23
3.	Pemangkuhan Jawatan (Pelbagai Gred dan Jawatan)	35
4.	Pertukaran Sementara/ Peminjaman (Pelbagai Gred dan Jawatan)	22
5.	Kawalan Tatatertib	1
6.	Penetapan Gaji Permulaan	4
7.	Kertas Pertimbangan (Pelbagai)	10
JUMLAH KECIL		108

KERTAS UNTUK PERTIMBANGAN JEMAAH PEGAWAI

8.	Pengesahan Dalam Perkhidmatan / Pemberian Taraf Berpencen / Opsyen KWSP	51
JUMLAH KECIL		51
JUMLAH BESAR		159

Rajah 1

PERATUS KERTAS PERTIMBANGAN MELALUI MESYUARAT DAN SECARA EDARAN



**Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan
Perundangan Ke-129 Pada 26 Februari 2016
Di Hotel Doubletree By Hilton,
Johor Bahru, Johor**



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-130 Pada 2 September 2016 Di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), Wilayah Persekutuan Putrajaya



Mesyuarat Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman Dan Perundangan Ke-131 Pada 2 Disember 2016 Di Institut Latihan Kehakiman Dan Perundangan (ILKAP), Bandar Baru Bangi, Selangor



URUSAN PELANTIKAN

Dalam tahun 2016, Suruhanjaya telah meluluskan pelantikan seramai 64 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41 (Tetap).

Urusan Temu Duga Pegawai Undang-Undang Gred L41 Oleh Lembaga Temu Duga 01 Di Jabatan Peguam Negara



Urusan Temu Duga Pegawai Undang-Undang Gred L41 Oleh Lembaga Temu Duga 02 Di Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia




URUSAN PERKHIDMATAN

Sepanjang tahun 2016, Suruhanjaya telah meluluskan pengesahan dalam perkhidmatan 69 orang Pegawai Undang-Undang Gred L41. Suruhanjaya juga telah meluluskan pemberian taraf berpencen kepada 52 orang pegawai dan penetapan gaji permulaan kepada 4 orang pegawai. Jumlah urusan pengesahan dalam perkhidmatan, pemberian taraf berpencen dan penetapan gaji permulaan adalah seperti di **Rajah 2**.

Rajah 2

PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN, PEMBERIAN TARAF BERPENCEN DAN PENETAPAN GAJI PERMULAAN



URUSAN KENAIKAN PANGKAT

Suruhanjaya telah meluluskan kenaikan pangkat 289 orang Pegawai Undang-Undang ke pelbagai gred/jawatan dalam tahun 2016. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3**.

Jadual 3

KENAIKAN PANGKAT PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2016

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Turus III	2
2.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama A	1
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas B	3
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama C	10
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas C	16
6.	Pegawai Undang-Undang Gred L54	43
7.	Pegawai Undang-Undang Gred L52	53
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L48	51
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L44	110
JUMLAH		289

URUSAN PEMANGKUAN

Dalam tahun 2016, Suruhanjaya telah meluluskan pemangkuhan seramai 308 Pegawai Undang-Undang ke atas pelbagai gred/jawatan. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 4**.

Jadual 4

PEMANGKUAN PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN DALAM TAHUN 2016

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pegawai Undang-Undang Turus II	1
2.	Pegawai Undang-Undang Turus III	5
3.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama A	3
4.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama B	10
5.	Pegawai Undang-Undang Gred Utama C	15
6.	Pegawai Undang-Undang Gred Khas C	12
7.	Pegawai Undang-Undang Gred L54	48
8.	Pegawai Undang-Undang Gred L52	38
9.	Pegawai Undang-Undang Gred L48	85
10.	Pegawai Undang-Undang Gred L44	91
JUMLAH		308

URUSAN PERTUKARAN SEMENTARA DAN PEMINJAMAN

Suruhanjaya telah meluluskan pelepasan seramai 22 orang Pegawai Undang-Undang dalam pelbagai gred untuk dilantik secara pertukaran sementara atau peminjaman bagi mengisi pelbagai jawatan di agensi seperti dalam **Jadual 5**.

Jadual 5

PEGAWAI PERKHIDMATAN KEHAKIMAN DAN PERUNDANGAN YANG DILANTIK SECARA PEMINJAMAN/ PERTUKARAN SEMENTARA DALAM TAHUN 2016

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
1.	Pengarah Kanan Penguatkuasaan, Suruhanjaya Syarikat Malaysia	1
2.	Pengerusi Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan Malaysia	2
3.	Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)	1
4.	Timbalan Pengarah, Bahagian Operasi Khas, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1
5.	Penolong Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)	1
6.	Ketua Penolong Setiausaha, Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP)	1
7.	Pengarah Peperiksaan Sijil Amalan Guaman, Lembaga Kelayakan Profesional Undang-Undang	1
8.	Ketua Unit Perundangan, Suruhanjaya Persaingan Malaysia	1
9.	Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Pejabat Pesuruhjaya Khas Cukai Pendapatan, Kementerian Kewangan Malaysia	1
10.	Ahli Tribunal, Tribunal Rayuan Cukai Barang dan Perkhidmatan, Kementerian Kewangan Malaysia	1
11.	Pengarah Bahagian Pendakwaan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM)	1

BIL.	NAMA JAWATAN	BILANGAN PEGAWAI
12.	Pengarah Bersekutu (Unit Teknikal), Suruhanjaya Penerbangan Malaysia	1
13.	Utusan Khas Kerajaan Malaysia, Kementerian Luar Negeri	1
14.	Pegawai Penyelidik, Kementerian Luar Negeri	2
15.	Penolong Pendaftar, Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit, Perbendaharaan Malaysia	1
16.	Ketua Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1
17.	Penolong Pengurus di Jabatan Undang-Undang dan Pentadbiran, Pihak Berkuasa Malaysia-Thailand (MTJA)	1
18.	Pengerusi Tribunal, Suruhanjaya Koperasi Malaysia	1
19.	Pengurus, Jabatan Undang-Undang dan Pentadbiran, Pihak berkuasa Malaysia-Thailand (MTJA)	1
20.	Jawatan Terbuka Kumpulan Pengurusan dan Profesional Gred 54 (Terbuka), Bahagian Siasatan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	1
JUMLAH		22

URUSAN TATATERTIB DAN SURCAJ

Suruhanjaya juga menjalankan fungsi Pihak Berkuasa Tatatertib bagi semua pegawai dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Dalam tahun 2016, terdapat seorang Pegawai Undang-Undang dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan yang dikenakan hukuman tata tertib iaitu amaran oleh SPKP.

Selain itu, Peraturan 44(1)(a), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 menyatakan bahawa SPKP boleh, jika difikirkannya sesuai dan patut dan setelah mengambil kira perkara-perkara yang dinyatakan dalam subperaturan (4), menahan seseorang pegawai daripada menjalankan tugasnya jika prosiding jenayah telah dimulakan terhadap pegawai itu. Sepanjang tahun 2016, terdapat seorang Pegawai Undang-Undang telah ditahan kerja oleh SPKP dibawah peraturan tersebut.

Subseksyen 18(c) Akta Tatacara Kewangan 1957 membenarkan Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, selepas berunding dengan pihak berkuasa kewangan membuat keputusan mengenai tindakan surcaj ke atas Pegawai Undang-Undang bagi sejumlah wang yang difikirkan patut oleh pihak Suruhanjaya. Pada tahun 2016, Suruhanjaya telah mengenakan surcaj ke atas seorang Pegawai Undang-Undang kerana telah mengakibatkan kehilangan aset alih Kerajaan yang di bawah tanggungjawab dan pengawasannya.

KETETAPAN SURUHANJAYA

Urusan Pelantikan

- calon yang telah menolak tawaran pelantikan Pegawai Undang-Undang Gred L41 disenarai hitam (*blacklisted*) untuk tempoh tiga (3) tahun
- mewujudkan calon simpanan
 - nisbah calon simpanan adalah **10 : 1** daripada jumlah pengisian kekosongan jawatan;
 - calon simpanan yang akan ditawarkan jawatan adalah bagi menggantikan calon yang menolak tawaran;
 - kedudukan calon simpanan sebelum dilantik akan dibentangkan kepada Suruhanjaya untuk kelulusan; dan
 - tempoh calon simpanan hanya terpakai pada satu-satu urusan pengambilan sahaja. Setelah pengisian kekosongan jawatan bagi satu urusan pengambilan selesai dijalankan, tempoh calon simpanan tersebut turut akan luput.
- penetapan markah minimum 85.00% dan ke atas bagi calon yang layak diperakukan oleh LTD 01 (Peguam Cara Negara) dan LTD 02 (Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan) bagi tujuan pelantikan Pegawai Undang-Undang Gred L41 sama ada secara tetap atau kontrak.
- bagi memastikan ketepatan dan integriti maklumat kelayakan calon, Urus Setia Temu Duga Jabatan Peguam Negara dan Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan akan membuat pengesahan (*validation*) terlebih dahulu mengenai status kelayakan akademik/profesional dalam bidang undang-undang termasuk pengiktirafan kelayakan bagi maksud lantikan Pegawai Undang-Undang bagi calon yang melepassi tapisan sebelum calon ditemu duga.
- calon-calon tidak akan dipanggi temu duga sekiranya:
 - mengemukakan maklumat yang bercanggah dengan maklumat kelayakan akademik/profesional dalam bidang undang-undang sebagaimana diisi semasa calon memohon jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41 melalui borang permohonan jawatan dalam perkhidmatan awam (Borang SPA 8i);
 - tidak menepati kriteria tapisan ditetapkan; dan
 - tidak mengesahkan kehadiran dalam tempoh ditetapkan.

Urusan Perkhidmatan

Penentuan Gaji Permulaan (PGP) bagi Pegawai Undang-Undang Gred L41 yang mempunyai pengalaman kontrak sebagai Pegawai Undang-Undang Gred L41 mengikut Peraturan 25(2), Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012] diberikan gaji permulaan **tidak kurang** daripada gaji akhir semasa berkhidmat sebagai Pegawai Undang-Undang Gred L41 (Kontrak) dengan mengguna pakai Peraturan 26(a), P.U.(A) 1/2012.

Kertas Cadangan Suruhanjaya

Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP) dibenarkan mengemukakan kertas-kertas cadangan untuk pertimbangan Suruhanjaya kepada SPKP bagi Pegawai Undang-Undang di bawah sektor kehakiman demi membolehkan keputusan berkaitan urusan SPKP lebih pantas, efisien dan berkesan. Walau bagaimanapun, cadangan kertas-kertas pertimbangan berkenaan perlu disalankan kepada Jabatan Peguam Negara bagi tujuan makluman dan perhatian bahawa terdapat urusan melibatkan Pegawai Undang-Undang di bawah sektor kehakiman. PKPMP adalah bertanggung jawab memastikan perakuan yang dikemukakan kepada SPKP adalah lengkap dan teratur.

URUS SETIA SPKP

Dalam memastikan Suruhanjaya dapat menjalankan semua fungsi yang diamanahkan dengan efisien dan efektif, Ahli-Ahli Suruhanjaya dibantu oleh Urus Setia Suruhanjaya yang diketuai oleh Setiausaha SPKP, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Ahmad.

CARTA ORGANISASI URUS SETIA SPKP

SETIAUSAHA

PTD GRED UTAMA B

Dato' Zainal Abidin bin Ahmad

SETIAUSAHA BAHAGIAN

PTD GRED M52

Syahrizad binti Mahpar

PENOLONG SETIAUSAHA

PTD GRED M41

Nurul Hidayah Puteri binti Abdul Rahim

PENOLONG PEGAWAI TADBIR

GRED N29

Mohd Rahmat bin Abdul Kaiyim

**PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/
OPERASI)
GRED N19**

Lailatul Saadiah binti Mahat

**PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/
OPERASI)
GRED N19**

Muhammad Nuh bin Sidin

**PEMBANTU TADBIR
(PERKERANIAN/
OPERASI)
GRED N19**

Nur Fadillah Ain binti Haris

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

Tan Sri Arpah binti Abdul Razak

PENASIHAT

Dato' Zainal Abidin bin Ahmad
Puan Salmah binti Idris

PASUKAN EDITORIAL

Urus Setia Suruhanjaya Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan

JURUFOTO

Encik Fadzil bin Sanom

NOTA



ANNUAL REPORT 2016

JUDICIAL AND LEGAL
SERVICE COMMISSION

CONTENTS

- 1 MESSAGE FROM CHAIRMAN**
- 3 EXECUTIVE SUMMARY**
- 4 BACKGROUND**
- 5 LAWS AND REGULATIONS**
- 6 MEMBERS OF THE COMMISSION**
- 18 MATTERS UNDERTAKEN BY THE COMMISSION**
- 19 MEETINGS OF THE COMMISSION**
- 25 APPOINTMENTS**
- 26 SERVICES**
- 27 PROMOTIONS**
- 28 ACTING ON POSTS**
- 29 TEMPORARY TRANSFERS AND SECONDMENTS**
- 31 DISCIPLINARY ACTION AND SURCHARGE**
- 32 RULINGS OF THE COMMISSION**
- 34 SECRETARIAT OF THE COMMISSION**



